

BETADINE[®] ANTISEPTIC OINMENT

Povidone-Iodine (10% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment
2. Bagaimana **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment
4. Cara menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment
5. Semasa menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment

- Luka dan lebam
- Luka terbakar
- Jangkitan kulit bakteria dan mikosis (kulat) seperti di celah paha, kaki
- Lepuh sejuk
- Jangkitan virus seperti Herpes simpleks, Herpes genitalis
- Pembasmian kuman kulit untuk prosedur katerisasi

Bagaimana **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment berfungsi

BETADINE[®] Antiseptic Ointment mengandungi sejenis ubat yang dipanggil Povidone-Iodine yang boleh membunuh bakteria, virus, kulat, spora dan protozoa.

Sebelum menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment

-Bila tidak boleh menggunakannya

- Jika anda alah terhadap iodine atau povidone atau bahan lain dalam produk ini;
- Jika anda ada penyakit tiroid.

-Mengandung dan menyusukan anak

Sebelum menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment, beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau bercadang untuk hamil.

Ubat ini tidak boleh digunakan semasa mengandung melainkan jika tiada rawatan alternatif.

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

-Sebelum menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai masalah kesihatan atau penyakit lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Penyerapan iodine daripada povidone-iodine sama ada melalui kulit sihat atau kulit yang luka mungkin mengganggu ujian fungsi tiroid.

Jangan sapu ubat lain pada kawasan yang sama jika anda sedang dirawat dengan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment, melainkan atas arahan doktor.

Jangan mulakan rawatan dengan ubat yang baru tanpa memberitahu doktor anda.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai risiko lain yang boleh timbul kerana menggunakan ubat ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

Cara menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment

-Berapa banyak harus digunakan

Bersihkan dan keringkan bahagian terjejas. Sapukan salap pada bahagian terjejas dan balut dengan pembalut kain steril jika perlu.

BETADINE[®] Antiseptic Ointment boleh disapu sekerap yang diperlukan.

Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan guna pada dos seterusnya seperti yang diarahkan.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan pada kawasan kulit luka yang besar harus dielakkan kerana penyerapan iodine yang berlebihan boleh berlaku. Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital berhampiran, jika anda rasa anda atau orang lain mungkin telah menggunakan ubat ini terlalu banyak. Lakukanmya walaupun tiada tanda tidak selesa atau terkena racun. Anda mungkin perlu rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Jika kemerahan, kerengsaan, bengkak atau sakit terus berlanjutan atau bertambah atau jangkitan berlaku, hentikan penggunaan dan rujuk kepada doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan **BETADINE[®]** Antiseptic Ointment.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan ubat ini daripada terkena mata.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

BETADINE[®] Antiseptic Ointment adalah UNTUK KEGUNAAN LUAR SAHAJA.

Penggunaan produk ini boleh mengganggu ujian fungsi tiroid. Jika simptom yang mengganggu fungsi tiroid dikesan, ini seharusnya disiasat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain **BETADINE**[®] Antiseptic Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jika berlaku alahan yang dikesan seperti gatal-gatal, kemerahan dan lepuh kecil, berhenti menggunakannya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Cara penyimpanan dan pelupusan
BETADINE[®] Antiseptic Ointment

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhi daripada kanak-kanak

-Pelupusan

Sekiranya produk melebihi tarikh luput, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi mengenai cara pelupusan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

BETADINE[®] Antiseptic Ointment adalah salap berwarna coklat sekata yang boleh larut dalam air.

-Pembungkusan

BETADINE[®] Antiseptic Ointment boleh didapati dalam tiub aluminium bercetak yang disertakan dalam kotak bercetak. Saiz pek yang disediakan ialah 5g dan 10g.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Povidone-Iodine 10% w/w

- Bahan bukan aktif
Sodium Bicarbonate
Polyethylene Glycol

-Nombor MAL

MAL19910202XZ

Pengilang

PT. Mahakam Beta Farma Jl.
Pulokambing II No. 20
Kawasan Industri
Pulogadung
Jakarta 13930, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Mundipharma Pharmaceuticals Sdn.
Bhd.
A-3-01 Level 3, Blk A, PJ8
No 23 Jalan Barat, Seksyen 8
46050 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/05/2018 (CCDS ver Oct2013)

Nombor siri

NPRA(R4/1)160518/00152